

Teet-Beets

Secalut tinta serungkat bicara



Assalamualaikum w.b.t

Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam 1 Yayasan.

Melihat pada perkembangan semasa dan cabaran-cabaran yang mendatang, adalah penting bagi sebuah organisasi seperti Yayasan Sarawak mewujudkan dan meningkatkan laratbelakang kaum semua pihak tanpa mengira latarbelakang dan bangsa. Sepanjang 40 tahun penubuhan Yayasan Sarawak, 1 perkara yang menjadi tunjang dan mauduk utama yang menjadi Yayasan Sarawak adalah dengan semangat per-tunjang dan harmoni oleh semua pihak. Tradisi ini sahaja, semua telah menunjukkan komitmen terhadap pemangkin pembangunan pendidikan anak watan.

Dalam pada itu, saya menyeru kepada semua wargakerja agar menerapkan nilai 'Human Touch' dalam melaksanakan tugas seharian. Walaupun kita memiliki kemajuan teknologi yang pelbagai namun, kita harus sedar bahawa, kita berhadapan dengan kerenah dan situasi pelanggan yang perlu dihadapi dalam usaha untuk memastikan keperluan dan kehendak pelanggan tercapai. Oleh yang demikian nilai 'Human touch' merupakan satu pendekatan holistik yang harus diterapkan dalam perkhidmatan, melalui pengurusan interaksi dan perhubungan yang cekap antara organisasi dengan pelanggan. Ini adalah sejajar dengan tema sambutan Jubli Delima Yayasan Sarawak iaitu 'Care And Serve'.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan tahniah dan terima kasih di atas kerjasama dan komitmen yang telah ditunjukkan oleh semua wargakerja semasa sambutan Jubli Delima Yayasan Sarawak tanpa komitmen dan kerjasama dari semua pihak tidak mungkin majlis seumpama itu dapat dilaksanakan dengan jayanya. Sekian, Terima kasih.

Pengarah,
Yayasan Sarawak 2011

Tahukan Anda ???

Tahniah & Syabas...

Mesuarat MBJ bagi tahun 2011 telah memutuskan bahawa kemudahan perubahan yang diperuntukkan kepada wargakerja Yayasan Sarawak adalah seperti berikut:

Cit = RM 3600 setahun, bersamaan dengan 36 cit



'Human Touch'
Merupakan Satu perlakuan yang menggabungkan elemen-elemen positif dalam hubungan antara manusia seperti nilai keihisan, keber-tanggungjawaban, kemesraan, kesopanan dan empati

Sesungguhnya sentuhan kemanusiaan atau 'human touch' mampu merin-gankan beban yang ditang-gung oleh seseorang yang menghadapi masalah....

Use Less Save More



Kerajaan telah mengumumkan tarif baru elektrik mulai 1 Jun 2011. Oleh yang demikian sebagai seorang peng-guna, tidak kira pengguna domestik ataupun komersial, kita perlu menjimat-kan penggunaan tenaga elektrik. Ini kerana bukan sahaja bil elektrik mening-kat tetapi wujudnya pembaziran peng-gunaan elektrik yang berlebihan. Peng-gunaan tenaga elektrik secara berhemat

dapat mengurangkan bil elektrik. Bagi golongan yang suka memba-zirkan tenaga elektrik di rumah mahupun di tempat kerja, mungkin kenaikan tarif ini akan merasa bebanan. Manakala pengguna domes-tik yang menggunakan tenaga elektrik melebihi 301 kWj ke atas mungkin akan merasai bahang kenaikan tarif elektrik dalam bil elektrik mereka.

Pengguna komersial pula seperti perdagangan dan perindustrian dikenakan tarif elektrik yang lebih tinggi daripada pengguna domes-tik kerana sektor ini menggunakan tenaga yang lebih banyak.

Oleh yang demikian, seorang pengguna yang bijaksana, anda ha-ruslah menjimatkan tenaga elektrik bagi mengelakkan pembaziran

Sylvia Cinema dalam kenangan

Ramai yang sedia maklum bahawa... Bangunan Yayasan Sarawak yang tersergam indah ditengah-tengah bandaraya Kuching kini, dahulunya merupakan Bangunan Sekretariat Kerajaan Negeri dan telah diras-mikan oleh Tun Abang Haji Openg Gabenor Yayasan Sarawak pada 30 Julai 1966. Namun, tidak semua sedia maklum bahawa sebelum bangunan yang megah ini wujud, sebuah bangunan kecil yang dikenali seba-gai Sylvia Cinema telah terlebih dahulu dibina, iaitu pada tahun 1934.

Atas desakan semasa dan dek kerana mengikut keper-luan zamannya, bangunan Cinema ini telah diroboh bagi memberi laluan pembinaan bangunan baru iaitu Bangunan Sekretariat Kerajaan. Bangunan ini telah diilhamkan dan dibina oleh Rajah semasa pemerintahan Brooke lagi.



Bulan Julai Bulan Jelajah Sarawak

Bulan Julai merupakan antara bulan yang dipenuhi dengan pameran dan aktiviti luaran Yayasan Sarawak. Pelbagai aktiviti telah disertai Yayasan Sarawak bagi mendekatkan Yayasan Sarawak kepada masyarakat Sarawak.

'Kickstart' bagi pelbagai aktiviti ini dimulai dengan pameran di Kem PLKN Bau pada 2 Julai, dan diakhiri dengan Pameran Sempena Kon-voquesyen Politeknik Kuching pada 27 Julai.

Yayasan Sarawak mempunyai rekod cemerlang dalam penyertaan pelbagai pameran peluang pendidikan di seantero Sarawak. Bahkan, baru-baru ini Yayasan Sarawak telah memenangi Tempat Kedua Kategori Badan Berkanun dalam Penyertaan Program Sejiwa Senada. Ternyata, kejayaan ini adalah amat bermakna bagi mereka yang telah bersama-sama membantu menjayakan penyertaan Yayasan Sarawak.

Semangat Waja Peserta YS Biggest Loser Tercabar

Ternyata cabaran YS Biggest Loser amat mencabar apa-bila ramai peserta yang tersingkir dan menarik diri dari-pada meneruskan perjuangan menguruskan berat badan. Daripada 59 orang peserta, cuma 15 orang sahaja yang masih bertekad untuk menguruskan badan mengikut pertandingan ini.

"Saya kecewa, kerana berat badan saya semakin naik dan tidak mahu turun-turun," kata salah seorang peserta Biggest Loser yang namanya enggan didedahkan, sambil mengunyah acur pisang dengan bersemangat. "Saya rasa nak marahkan seseorang, tetapi saya tidak tahu nak marahkan siapa," sambung beliau lagi.

Peserta yang paling banyak kehilangan berat badan me-rupakan salah seorang daripada warga Seksyen Undang-Undang dan Bayaran Balik, iaitu Saudara Ehsan. Dalam masa 3 bulan beliau telah kehilangan 7 kilogram dari-pada berat badan beliau yang sebelum ini iaitu 93 kg.

Sorotan Peristiwa

Jamuan Makan Malam bersama Yayasan Terengganu di Dewan Serbaguna PPPYS



Kesibukan para peserta membuat cabutan undi bagi pertandingan Ping Pong yang akan diadakan pada 29 Jun 2011.



Lawatan APB 5S ke Jabatan Agama Islam Sarawak anjuran JK Latihan 5S Yayasan Sarawak pada 23 Jun 2011



Antara wajah-wajah wira satria Yayasan Sarawak bagi perlawanan Sepak Takraw menentang MASJA



Fokus...antara kreteria utama dalam permainan karom...Saudara Micheal menunjukkan kehandalan dalam pertandingan Karom



Sambutan Ulang Tahun Kelahiran Kanak-kanak Taska dan Tadika bersama YBhg Pengarah yang cukup meriah



Antara sebahagian wargakerja yang menjalani ujian air kencing di Bilik VIP



Salah seorang wargakerja menyurungkan rantai manik sebagai cenderahati kepada YBhg Pengarah semasa sambutan penutupan 'Hari Gawai Dayak' di Auditorium Yayasan Sarawak pada 28 Jun 2011.



Sabar menunggu giliran...para peserta yang mengambil bahagian membuat cabutan undi di bilik VIP bagi pertandingan Ping Pong



Kumpulan YSK2 mengabadikan kenangan bergambar bersama-sama setelah selesai membuat persembahan.



Timbalan Pengarah Yayasan Sarawak bersama-sama Pengerusi Kelab Yayasan Sarawak melakukan upacara "ngiling Tikai" sebagai tanda simbolik penutup sambutan Gawai Dayak.



Aksi wargakerja yang menjalani ujian air kencing di PPPYS. Ujian air kencing telah dijalankan oleh Agensi Dadah Kebangsaan bagi meningkatkan kesedaran tentang bahayanya najis dadah.



Ibu-bapa, guru-guru dan kanak-kanak Taska dan Tadika Yayasan Ku Sayang mengabadikan kenangan bersama YBhg Timbalan Pengarah di Majlis doa Selamat Ulangtahun Pertama Taska dan Tadika Yayasan Ku Sayang

Citra 5S

Sentiasa Amal

Bagaimana SENTIASA AMAL ?

Mematuhi panduan dan standard yang telah ditentukan supaya budaya kerja cemerlang itu dapat dibangunkan.

KESAN LAKSANA - SENTIASA AMAL

Kuantitatif

- ~ Kos pengeluaran rendah
- ~ Produktiviti pekerja meningkat
- ~ Kualiti produk / perkhidmatan meningkat
- ~ Memperolehi Sijil 5S
- ~ Kemalangan sifar ditempat kerja

Kualitatif

- ~ Pekerja lebih kreatif dan inovatif
- ~ Kemahiran pekerja meningkat
- ~ Pekerja setia kepada organisasi
- ~ Budaya kerja berpasukan yang tinggi


4 Faktor Kejayaan 5S

- ~ Sokongan dan komitmen berterusan dari pengurusan atasan.
- ~ 5S bermula dengan kesedaran, latihan, pemantauan dan penilaian.
- ~ Semua orang mengamalkannya dan tiada siapa yang memerhati sahaja.
- ~ Ulangi putaran 5S untuk mencapai tahap yang lebih tinggi dan menjadi budaya.

Hidup memerlukan pengorbanan .
Pengorbanan memerlukan perjuangan.
Perjuangan memerlukan ketabahan.
Ketabahan memerlukan keyakinan.
Keyakinan pula menentukan
kejayaan. Kejayaan pula
akan menentukan
kebahagiaan.

Kepada Muslimin dan Muslimat, Selamat menyambut Bulan Ramadhan dan Selamat berpuasa.
Bersama-samalah kita mengimarahkan lagi bulan Ramadhan dengan amal jariah dan bersedekah.

Ramadan Mubarak!



Sekiranya anda mempunyai sebarang cadangan dan penambahbaikan inovatif & kreatif sila salurkan ke Seksyen Perhubungan Awam Dan Korporat



idawati@yayasansarawak.org.my

